

Kita gagal bukan salah orang lain

BH - 31/10/2007

Bangsa Melayu mesti muhasabah diri untuk cipta kejayaan lebih gemilang



Bersama

Radzi Latif

E-mel: radzilatif@yahoo.com

PADA 2004, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang ketika itu diisytiharkan Perhimpunan Agung Umno ke-55 sebagai Presiden Umno keenam, menggariskan agenda pembangunan bangsa bagi membina kapasiti Bumiputera agar menjadi rakyat kompetitif. Kepada orang Melayu, beliau tidak mahu mereka mempunyai sikap cepat menangal dan lemah semangat. Atas dasar ini, kekuatan Melayu hendaklah diasaskan kepada harga diri. Kekuatan politik semata-mata tidak menjamin kelangsungan orang Melayu. Orang Melayu perlu juga kukuh dalam ekonomi, pegangan atau pemilikan ekuiti terus meningkat selain unggul dalam penguasaan ilmu, sains dan teknologi serta kemahiran dalam segala bidang.

Untuk mengekalkan kuasa politik Melayu dan meletakkan bangsa Melayu setaraf dengan bangsa maju lain, Umno mempunyai peranan amat besar, ini bermakna pemimpin Umno hari ini memikul tanggungjawab cukup berat. Tanggungjawab mereka akan menjadi ringan sekiranya orang Melayu mengubah minda dan menjadi bangsa yang sentiasa mengejar kecemerlangan dan tidak kenal erti kekecewaan. Sehingga bila orang Melayu mahu diri mereka diiktiraf sebagai bangsa yang lemah serba-serbi, hanya perlu dijawab oleh orang Melayu sendiri - "tebuk dada, tanya selera".

Dalam ucapan dasar pertamanya sebagai presiden itu, Abdullah memilih tema 'Melangkah Ke Hadapan - Meneroka Kecemerlangan' selepas mengambil kira sokongan padu rakyat apabila Barisan Nasional yang baru diterajunya ketika itu mendapat mandat begitu besar menerusi undi Pilihan Raya Umum pada 21 Mac 2004.

Umno mempunyai kekuatan politik yang

jelas kerana daripada 117 kerusi Parlimen yang ditandingi, Umno menang 109 kerusi. Calon Umno juga menang 303 dari 338 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Secara keseluruhannya, Barisan Nasional (BN) menang 199 daripada 219 kerusi Parlimen dan 452 daripada 505 kerusi DUN.

Hal ini adalah kemenangan rakyat, bukan saja sokongan orang Melayu yang luar biasa tetapi semua kaum di bawah pimpinan Abdullah. Hasrat rakyat yang memilih Umno dan BN bolehlah disimpulkan bahawa mereka bukan saja bersetuju, malah menyokong aspirasi kerajaan untuk meletakkan Malaysia sebuah negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Pada Perhimpunan Agung Umno ke-56 pada 2005, ucapan dasar Abdullah bertemakan 'Lonjakan Perkasa Bangsa'. Selepas setahun melatih rakyat, khasnya orang Umno supaya melangkah untuk mencapai kecemerlangan, mereka mungkin sudah boleh dilatih melonjak untuk memperkuatkan apa juga yang perlu diperkuatkan. Melonjak bermakna cuba untuk mencapai ke satu tahap yang lebih tinggi.

Abdullah menggunakan kesempatan ini dengan mengaitkan orang Melayu dan rakyat berhubung amalan buruk rasuah yang mesti dibanteras. Salah satu tanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara, ialah dengan membersihkan sifat jijik dalam Umno yang masih berlaku.

"Saya berazam dan nekad membersihkan Umno daripada rasuah politik. Ia adalah satu usaha yang berat bagai mendaki gunung yang curam. Saya tidak akan kecewa dan tidak akan berputus asa. Selagi hayat dikandung badan, saya akan terus menyeru, memohon kekuatan daripada Ilahi, berikhtiar menghapuskan rasuah," katanya pada Perhimpunan Agung Umno 2005 itu.

Tema ucapannya itu bolehlah dianggap sebagai kesinambungan ucapan dasar pertamanya, setahun sebelum itu. Tidak ada bangsa boleh menjadi bangsa cemerlang sekiranya mereka masih mengamalkan tabiat buruk itu. Itulah sebabnya kesempatan itu diambilnya untuk mengajak se-

luruh ahli Umno memperkasakan bangsa menerusi pelbagai pendekatan dan pembaharuan, selaras agenda Melayu yang berteraskan Islam Hadhari. Bersih daripada rasuah tidak bermakna pula mereka boleh terus menerus meminta daripada kerajaan.

Baginya, pencapaian matlamat Wawasan 2020 seharusnya kejayaan yang tulen. Kemajuan yang dicapai nanti perlulah hasil usaha rakyat yang tidak bergantung segala-galanya daripada kerajaan. Wawasan 2020 mestilah digerakkan rakyat kerana matlamatnya adalah untuk mencapai kesaksamaan kaum menjelang 2020.

'Kata Dikota' adalah tema ucapan Abdullah pada Perhimpunan Agung Umno 2006 setelah tiga tahun sebagai Perdana Menteri. Tema ucapan dasar ini adalah dianggap sebagai satu muhasabah diri sama ada Abdullah sendiri, Umno atau kerajaan BN.

Ketika mula mengambil alih kepimpinan negara, Abdullah menggaris 12 gagasan yang dijadikan panduan untuk mencipta kejayaan. Tetapi, jika ia diabaikan, ia boleh membawa kehancuran. Disebabkan gagasan itu diibarat sebagai kompas panduan ketika BN merangka manifestonya, seharusnya setiap peringkat kepimpinan parti mengambil serius perkara ini. Ia jugalah dijadikan panduan Bajet 2004, 2005 dan 2006 lalu di samping misi nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Apakah pula tema ucapan Presiden Umno pada Perhimpunan Agung Umno 2007 minggu depan? Jika ucapan dasar pertama di Perhimpunan Agung Umno 2004 dibuat selepas Umno meraikan kemenangan besar pilihan raya, perhimpunan agung Umno kali ini berkemungkinan besar memberi peluang kepada Abdullah untuk mengingatkan ahli-ahli Umno mengenai gerak kerja yang perlu dilakukan untuk memastikan kemenangan lebih besar dalam pilihan raya umum yang akan datang.

Ketika melancarkan Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) kawasan Utara Sabtu lalu, Abdullah sekali lagi mengajak orang

Melayu melihat kelemahan diri sendiri. Di manakah silapnya orang Melayu berbanding kaum lain. Dari segi ekonomi, Abdullah melontarkan pandangan agar bermuhasabah diri mengenai ekonomi kita?

Masa terus berlalu, tapi kita masih dengan lagu lama. Jadi, orang Melayu perlu bertanya apa sebenarnya terjadi pada diri kita khasnya dalam soal ekonomi ini? Apakah ia mungkin disebabkan Melayu masih kurang berusaha atau disebabkan hal lain hal yang menjadikan orang Melayu kurang maju dalam hal ehwal ekonomi.

Dalam bidang pertanian, contohnya tanaman padi. Apabila orang Melayu yang terbabit dalam tanaman padi, hasilnya tidak seperti yang diharapkan sedangkan keluasan tanahnya adalah sama, benih dan baja juga sama dan cara menanam juga sama tetapi hasil yang diperoleh petani lain, jauh lebih besar. Peniaga dan usahawan Melayu juga membuat makanan dan rasanya juga sedap tetapi dari segi pemasaran, mereka jauh ketinggalan.

Begitu juga, mereka tidak mahir dari segi pemasaran dan promosi yang amat penting dalam dunia perniagaan hari ini. Ada pula makanan yang sedap tetapi pembungkusannya tidak diambil berat menyebabkan nilai makanan itu jatuh. Ramai juga orang Melayu mengeluarkan batik tetapi kelemahan pula berlaku dari segi jahitan menyebabkan pelanggan lari.

Orang Melayu tidak akan merasai nikmat hasil usaha yang dibuat dan akhirnya kecewa kerana tidak bersungguh-sungguh atau tidak fokus terhadap usaha itu.

Dalam bidang perniagaan, peniaga dan usahawan Melayu perlu bermuhasabah dan mencari kesilapan sendiri jika tidak berjaya dalam perniagaan. Tidak ada gunanya menyalahkan orang lain akibat kelemahan diri sendiri. Selagi mereka tidak fokus terhadap kerja yang dilakukan, sukar untuk berjaya.

Datuk Dr Mohd Radzi Abdul Latif ialah Presiden Yayasan Kajian dan Strategi Melayu (YKSM).